



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Muar

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

JKR 242, Jalan Arab

84000 Muar, Johor Darul Ta'zim

Tel. : 06-9511780

Faks : 06-9511590

E-mel : ppd_muar@moe.gov.my

Web : www.ppdmuar.my

Rujukan kami : JPA5007.100-19/1/7 (32)

Tarikh : 03 September 2020

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Muar

Tuan,

TAKLIMAT PENATARAN PENGOPERASIAN PERMOHONAN DAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS (PKSK) KPM DAN MAKTAB TENTERA KEPADA PENOLONG KANAN HEM RENDAH DAN MENENGAH DAERAH MUAR SESI KEMASUKAN TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Muar akan mengadakan taklimat seperti di atas bagi sesi permohonan lepasan Tahun Enam (6) dan Tingkatan Empat (4) seperti ketetapan berikut;

SESI 1

Tarikh : 6 September 2020 (Ahad)
Masa : 11.00 pagi hingga 1.30 petang
Peserta : Semua PK HEM Sekolah Kebangsaan (SK)
Tempat : Dewan Perdana Wawasan, PPD Muar

SESI 2

Tarikh : 6 September 2020 (Ahad)
Masa : 2.00 petang hingga 4.30 petang
Peserta : Semua PK HEM SJKC, SJKT dan Sekolah Menengah (SM)
Tempat : Dewan Perdana Wawasan, PPD Muar

3. Sehubungan dengan itu, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) sekolah tuan diminta hadir taklimat ini. Kehadiran adalah **diwajibkan** agar proses permohonan dan pentaksiran kemasukan ke sekolah khusus KPM ini dapat berjalan lancar.

4. Bagi menangani penularan Covid-19, semua peserta diminta mematuhi SOP seperti mengelakkan 3S (sesak, sempit, sembang dekat) dan amalkan 3W (*wash, wear, warn*) serta menjaga penjarakan fizikal. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi Encik Mohd Fauzi bin Yusof, Penolong PPD Menengah dan Tingkatan 6, Sektor Pengurusan Sekolah, PPD Muar di talian 013-6227975. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PUNIRAN BIN DENAN)
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Muar

s.k ; 1. Pegawai Pendidikan Daerah Muar
2. Fail